






PENGENALAN PROGRAM MODAL INSAN NCER

| PROGRAM | INFO RINGKAS | MAKLUMAT LANJUT |
|---|--|--|
|  | <p>Kasih Ibu Perlis diperkenalkan untuk membantu ibu dan suri rumah yang tidak mempunyai pendapatan tetap untuk mengurus dan menampung perbelanjaan keluarga mereka.</p> <p>Objektif program Kasih Ibu Perlis (KIP) adalah untuk meringankan beban kos sara hidup melalui bantuan pembelian barangan keperluan asas bulanan di kedai-kedai panel dan rawatan kesihatan di klinik-klinik swasta yang berdaftar di bawah KIP dengan menggunakan kaedah kad tanpa tunai.</p> | <p>https://kiperlis.com/</p> |
|  | <p>Program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan adalah merupakan sebuah program yang direka khas untuk peningkatan kemahiran dan pembangunan usahawan.</p> <p>Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pendapatan peserta melalui penempatan pekerjaan atau keusahawanan dan menyasarkan penglibatan golongan belia, wanita, Orang Asli, siswazah menganggur, pekerja yang diberhentikan, serta ahli komuniti dari kawasan yang kurang membangun di NCER, khususnya golongan B40 yang berumur di antara 18-45 tahun.</p> | <p>https://www.ncer.com.my/empowering-the-rakyat/upskilling-communities/empowerncer-skills-entrepreneurship/</p> |

| PROGRAM | INFO RINGKAS | MAKLUMAT LANJUT |
|---|---|--|
|  | <p>Seiring dengan pembangunan modal insan di NCER yang dilaksanakan secara menyeluruh, program empowerNCER Akademik dibangunkan bertujuan untuk menghindarkan kemiskinan pada masa hadapan melalui Pendidikan.</p> <p>Program empowerNCER Akademik direka untuk meningkatkan pencapaian pelajar dari segi akademik dan kemahiran sendiri, khususnya daripada keluarga B40 dan Orang Asli. Program ini memberi fokus kepada peningkatan prestasi pelajar Tingkatan 5 yang bakal menduduki Peperiksaan SPM dan murid Orang Asli Darjah 5 dan 6.</p> <p>Dua komponen utama program adalah kelas bimbingan akademik dan pembangunan sahsiah diri untuk pelajar SPM yang kurang cemerlang dan kedua, Kemahiran 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) khusus untuk murid Orang Asli. Antara keunikan empowerNCER Akademik adalah kombinasi pembelajaran secara bersemuka dan dalam talian melalui peranti tablet yang diberi kepada setiap pelajar; modul yang bersesuaian oleh universiti dan Guru Cemerlang; pendekatan tiga serampang melibatkan pelajar, guru dan ibu bapa; integrasi dengan program-program modal insan NCIA yang lain; dan bimbingan selepas SPM bagi penempatan pelajar ke institusi pengajian tinggi dan program lain yang bersesuaian.</p> | <p>https://www.ncer.com.my/empowering-the-rakyat/preventing-future-poor/empowerncer-academic/</p> |

| PROGRAM | INFO RINGKAS | MAKLUMAT LANJUT |
|---|--|--|
|  | <p>NTEP direka khas untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan dan memberi mereka peluang pekerjaan dan kualiti kehidupan yang lebih baik, serta memastikan tenaga kerja mahir mencukupi yang sesuai dengan keperluan industri di NCER. Melalui program ini, para peserta akan menerima latihan kemahiran kerja yang berkualiti tinggi, diikuti dengan latihan kemahiran insaniah (“soft skills”) untuk meningkatkan daya saing mereka, seterusnya menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan tempatan.</p> <p>NTEP terbuka kepada syarikat atau pelabur yang sedang beroperasi, akan beroperasi atau sedang berkembang di NCER. Peserta yang terlibat mestilah warganegara Malaysia dan akan melalui proses pemilihan dan pengambilan sepenuhnya oleh syarikat.</p> | <p>https://www.ncer.com.my/empowering-the-rakyat/upskilling-communities/ncer-talent-enhancement-programme-ntep/</p> |
|  | <p>Program entrepreneurNCER diperkenalkan dengan matlamat untuk membangun dan mengembangkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di wilayah ini bagi menyokong rantaian penawaran industri di seluruh NCER.</p> <p>Di bawah program ini, usahawan mikro dan PKS di NCER akan dibantu dari segi pinjaman pembiayaan kewangan dan khidmat bimbingan kepada usahawan yang berhasrat untuk mengembangkan dan meluaskan pasaran perniagaan mereka. Program ini turut meningkatkan pelaburan langsung domestik, terutamanya di kalangan usahawan Mikro dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PMKS) yang merupakan pemacu utama ekonomi NCER.</p> | <p>https://www.ncer.com.my/empowering-the-rakyat/growing-enterprises/entrepreneurncer/</p> |

| PROGRAM | INFO RINGKAS | MAKLUMAT LANJUT |
|---|---|--|
|  | <p>DU@NCER diwujudkan sebagai dana sokongan kepada syarikat-syarikat SME Bumiputera yang berkelayakan bagi meneroka pelaburan baharu atau perkembangan perniagaan selaras dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER (SDP 2021 – 2025) (terutamanya di taman tematik NCIA) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) yang memfokuskan kepada sektor-sektor teras di NCER. Dana ini bertujuan untuk membantu merapatkan jurang ekonomi di antara wilayah melalui pembangunan projek yang terletak di <i>special promoted area</i> di NCER.</p> <p>Projek-projek yang akan dibantu di bawah program DU@NCER ini dilihat bakal memberi kesan nilai pengganda (<i>multiplier effect</i>) yang tinggi serta dapat mewujudkan peluang pekerjaan terutamanya di peringkat mahir & separuh mahir dan peluang keusahawanan.</p> | <p>https://www.ncer.com.my/invest-in-ncer/ecosystem-support-and-incentives/dana-usahawan/</p> |
|  | <p>JomNiaga@NCER adalah program modal insan inklusif yang menyediakan latihan dalam bidang kemahiran, keusahawanan asas dan e-dagang untuk menempatkan kumpulan sasaran, terutamanya dari sektor tidak formal ke dalam keupayaan produktif untuk memperoleh pendapatan yang lebih tinggi.</p> <p>Ia juga melibatkan penempatan pekerjaan menerusi program “<i>train and place</i>” atau “<i>place and train</i>” di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian bagi meningkatkan status sosio-ekonomi kumpulan rentan di NCER, terutamanya yang terkesan akibat wabak COVID-19.</p> | <p>https://www.ncer.com.my/about-ncer/jomkerja_jomniaga/</p> |

| PROGRAM | INFO RINGKAS | MAKLUMAT LANJUT |
|---|---|--|
|  | <p>Program JomKerja@NCER adalah sebuah program modal insan “fast-track” yang dilaksanakan bagi menyokong syarikat dan perusahaan yang beroperasi, mengambil pekerja, melabur, dan mengembang di NCER. Syarikat yang menyertai program ini akan diberikan insentif modal insan dan akses kepada kumpulan bakat yang pelbagai terdiri daripada lepasan sekolah, belia, dan pekerja yang diberhentikan kerja untuk memenuhi keperluan operasi syarikat.</p> <p>Peluang pekerjaan dan latihan yang diberikan dapat memberikan kualiti hidup yang lebih baik dan memastikan kewujudan tenaga kerja mahir yang sepadan dengan keperluan industri dalam NCER. Melalui program ini, syarikat digalakkan untuk mengambil tenaga kerja tempatan yang akan menerima latihan kemahiran berkualiti tinggi dan latihan kemahiran insaniah bagi meningkatkan kecekapan serta kebolehpasaran pekerja.</p> | <p>https://www.ncer.com.my/about-ncer/jomkerja_jomniaga/</p> |